

## **Letak kamera tersembunyi di siling tandas, penjaga stor didenda RM3,000**

**KUCHING:** Seorang penjaga stor didenda RM3,000 di Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana meletakkan kamera tersembunyi di siling tandas di tempat dia bekerja.

Toh Lik Seng, 37, turut berdepan hukuman penjara enam bulan sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.

Keputusan itu dibuat Majistret Ling Hui Chuan selepas lelaki itu mengaku bersalah terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit

kesalahan.

Fakta kes mendedahkan pengadu lelaki iaitu pengarah sebuah syarikat di Jalan Setia Raja, Muara Tabuan Light Industri di sini mendapati ada kamera tertutup dipasang di siling tandas di premis syarikat itu pada 30 September 2024, kira-kira jam 2.30 petang.

Pengadu seterusnya melakukan pemeriksaan di dalam kad memori kamera berkenaan dan mendapati salah seorang pekerjanya (tertuduh) telah memasang kamera tersebut.

Berikutan itu, laporan polis dibuat dan tertuduh ditangkap pada keesokan harinya (1 Oktober 2024).